

Toleransi dan Pluralisme Menurut Pengalaman Masyarakat Bidayuh

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali¹
Wan Ariffin Wan Yon²
Suraya Sintang³

Abstrak

Saudara baru dalam masyarakat Bidayuh mempamerkan toleransi yang tinggi melalui kerjasama dan kesediaan untuk kekal tinggal bersama dan menjalin hubungan intim dengan ahli keluarga yang berbeza agama. Sikap dan perlakuan ini mempamerkan unsur pluralisme agama, sama ada dalam keadaan sedar ataupun tanpa disedari, ataupun mungkin di luar daripada batas pengetahuan mereka yang baru berjinak mempelajari dan memahami ajaran Islam. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan sejauh mana pengalaman toleransi dan pluralisme agama masyarakat Bidayuh melalui amalan tinggal bersama dan berkongsi perayaan kebesaran agama yang menjadi kelaziman masyarakat tersebut boleh diklasifikasikan sebagai penerimaan unsur pluralisme agama. Ia juga meneliti sama ada pluralisme agama ini boleh disamakan dengan toleransi yang merujuk kepada kesediaan menjalin hubungan intim dan harmoni dengan ahli keluarga yang berbeza agama. Akhirnya, didapati bahawa pengalaman masyarakat Bidayuh berhubung toleransi dan pluralisme agama berlaku secara natural. Masyarakat ini tidak memahami konsep yang dibahaskan dalam isu hubungan antara umat beragama, tetapi telah lama mengaplikasikannya dalam dialog kehidupan mereka, khususnya antara Muslim dengan non Muslim yang ditonjolkan melalui amalan toleransi yang tinggi dan fahaman pluralisme yang diertikan sebagai keupayaan meraikan kepelbagaian.

Kata kunci: toleransi, pluralisme, Bidayuh, hubungan antara agama

¹ Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: ijamh@um.edu.my.

² Wan Ariffin Wan Yon, adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi Mara, Sarawak. E-mel: wanariffin@sarawak.uitm.edu.my.

³ Suraya Sintang, PhD, adalah Pensyarah Kanan dan Timbalan Dekan (Akademik) di Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. E-mel: surayasin12@gmail.com.

Tolerance and Pluralism in Bidayuh Community's Experience

Abstract

New Muslim converts amongst Bidayuh community show high level of tolerance through their co-operation and willingness to continue staying with their non-Muslim family members. This indicates element of religious pluralism, whether with their knowledge or not, or perhaps it is outside of their concerns altogether. With this background, this article discusses how far this experience amongst Bidayuh community could be considered as an acceptance of religious pluralism. It also examine whether religious pluralism could be equated with tolerance in relation to the willingness to co-operate and harmoniously live together with non-Muslim family members. Finally, it is found that Bidayuh community experience tolerance and religious pluralism naturally. They never consciously realised these concepts which are being debated academically in inter-religious discourse, but they apply these concepts practically in their daily life, especially between Muslims and non-Muslims. This is shown through their high level of tolerance and pluralism in the sense of appreciating diversity.

Keywords: *tolerance, pluralism, Bidayuh, inter-religious relations*

Pendahuluan

Arus globalisasi yang melanda dunia hari ini tidak hanya membentuk masyarakat bermaklumat dan mendorong perkongsian hidup bersama dalam masyarakat plural. Malah, dunia terbuka ini turut menyuburkan isu-isu pemikiran yang lebih mencabar umat Islam. Salah satu isu pemikiran yang kian melanda Muslim di Malaysia ketika ini ialah gejala fahaman pluralisme agama.

Pluralisme agama merupakan konsep yang luas dan memberi banyak maksud – daripada suatu fakta keadaan kepada sikap dan falsafah tertentu. Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli⁴ menjelaskan pluralisme agama adalah satu keadaan yang menunjukkan hakikat kemajmukan agama dalam kewujudan dan kehidupan ini, lalu timbul sikap, pemikiran malah teologi khusus mengenai fahaman ini. Pada tahap sikap, ia merujuk kepada

⁴ Mohd. Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli, "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama," dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 33-112.

kesediaan untuk bersikap toleransi kepada pihak lain. Pada tahap pemikiran, ia adalah pengakuan perkongsian kebenaran yang menjadi milik bersama. Abd. Moqsih Ghazali⁵ pula menjelaskan:

Pluralisme agama adalah suatu sistem nilai yang memandang keberagamaan atau kemajmukan agama secara positif sekaligus optimis dengan menerimanya sebagai kenyataan (Sunnatullah) dan berupaya agar berbuat sebaik mungkin berdasarkan kenyataan itu. Dikatakan secara positif kerana mengandungi pengertian agar umat beragama tidak memandang pluralitas agama sebagai kemungkaran yang harus dibasmi. Dinyatakan secara optimis kerana kemajmukan agama itu sesungguhnya sebuah potensi agar setiap umat terus berlumba menciptakan kebaikan di bumi.

Anis Malik Toha⁶ menyatakan fahaman ini dibina berasaskan empat ciri utama. Pertama; kesetaraan atau persamaan (*equality*) yang menganggap tidak ada satu pun agama yang tunggal dan eksklusif untuk menjadi sumber kebenaran, atau setidaknya terdapat kebenaran dan nilai yang benar dalam agama lain. Kedua; liberalisme atau kebebasan beragama, dalam ertikata keluar masuk agama adalah hak individu. Ketiga; relativisme yang merupakan implikasi daripada kedua-dua ciri yang sebelum ini dengan beranggapan bahawa kebenaran agama adalah sesuatu yang relatif atau nisbi atau tidak pasti. Keempat; reduksionisme yang menganggap agama adalah urusan pribadi (*private affairs*).

Diana L. Eck pula menyatakan bahawa “*pluralism is not relativism, but the encounter of commitments. The new paradigm of pluralism does not require us to leave our identities and our commitments behind, for pluralism is the encounter of commitments. It means holding our deepest differences, even our religious differences, not in isolation, but in relationship to one another.*”⁷ Ini bererti pluralisme tidak sama dengan *relativisme* kerana pluralisme tidak menuntut seseorang meninggalkan identiti dan tanggungjawab. Juga tidak semesti bersetuju dengan semua yang diperkatakan oleh pihak lain. Namun ‘bersetuju untuk

⁵ Abd. Moqsih Ghazali, *Argumen Pluralisme Agama: Membangun Toleransi Berbasis al-Qur'an* (Jakarta: KataKita, 2009).

⁶ Anis Malik Toha, “Pluralisme: Keracunan Istilah dan Pemahaman” (Diskusi Ilmiah Kajian Agama, Universiti Islam Antarabangsa, 2010), 2.

⁷ Diana L. Eck, *From Diversity to Pluralism* (n.pl.: no. pb., 2000), 21.

berbincang, memberi dan mendengar pandangan pihak lain.’ Eck selanjutnya menjelaskan perbezaan antara *pluralism* dengan *diversity* dan *tolerance*, “*pluralism is not diversity alone, but the energetic engagement with diversity. Today, religious diversity is a given, but pluralism is not a given; it is an achievement. Pluralism is not just tolerance, but the active seeking of understanding across lines of difference. Tolerance is a necessary public virtue, but it does not require Christians and Muslims, Hindus, Jews to know anything about one another.*”⁸

Sehubungan itu, Mohd Asri Zainal Abidin menjelaskan sama ada pluralisme agama ini boleh menyebabkan berlakunya kekufuran bergantung kepada tafsiran dan tanggapan masing-masing terhadap fahaman ini. Sekiranya seseorang itu memahami pluralisme dengan beranggapan semua agama adalah sama nilainya di sisi Tuhan, kebenaran dikongsi secara bersama atau kebenaran itu relatif, maka itu pastinya bertentangan dengan akidah Islam dan membawa kepada kekufuran.⁹ Itu bererti kefahaman pluralisme ini menyamai kefahaman relativisme. Namun, jika seseorang menganggap bahawa pluralisme bererti mengiktiraf kepelbagaian agama, cuba memahami lebih mendalam antara satu sama lain dan bersikap bertolak ansur tanpa menggadaikan prinsip akidah Islam, maka itu tidak membawa kepada kekufuran. Di sini bererti, kefahaman pluralisme ini tidak sama dengan relativisme yang menganggap kebenaran adalah sesuatu yang relatif.

Fahaman pluralisme agama ini tidak hanya menimbulkan kekeliruan dan perdebatan sesama umat Islam, malah kini perkembangannya yang kian menular dilihat sebagai satu ancaman baru. Yusri Mohamad¹⁰ menyatakan fahaman pluralisme agama yang melanda Muslim di Malaysia berpotensi menghakis kemurnian akidah Islam, mencetuskan pertelingkahan dan perpecahan umat Islam. Bahkan, ia merupakan gejala yang

⁸ Diana L. Eck, *From Diversity to Pluralism*.

⁹ Mohd. Asri Zainul Abidin, “Pluralisme Agama: Politik, Fanatik dan Realistik,” laman sesawang *Minda Tajdid*, <http://drmaza.com/home/?p=1366>.

¹⁰ Yusri Mohamad, “Ancaman Pluralisme Agama di Malaysia: Satu Tinjauan Awal” (kertas kerja, Wacana Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT), JAKIM, JAIS dan ACCIN, Masjid Wilayah Persekutuan, 14 Disember 2010).

semakin meruncing. Gejala pluralisme agama dapat dilihat apabila terdapat segelintir Muslim di Malaysia dan Indonesia yang menyokong murtad atas nama kebebasan beragama, menyambut dan meraikan hari kebesaran agama secara bersama serta berkongsi penggunaan kalimah Allah tanpa wujud garis pemisah antara Islam dengan agama-agama lain serta amalan mengucapkan salam kepada rakan atau saudara mara non Muslim. Sebahagian besar daripada fenomena ini mempamerkan kehidupan Muslim di Sabah, Sarawak dan Indonesia yang sememangnya dikenali sebagai sebuah masyarakat yang bersifat terbuka, mudah mengkomodasikan diri dengan pelbagai latar persekitaran berbeza dan mengamalkan perkongsian hidup bersama tanpa dibatasi sempadan agama. Sikap mereka yang berupaya menjalinkan interaksi hubungan antara umat beragama ini berlangsung secara semula jadi dan tiada kelihatan unsur paksaan dalam segala aspek kehidupan sehingga dalam soal pertukaran agama. Hal yang sama dapat dilihat daripada dialog kehidupan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Sabah dan Sarawak sehingga terpilih antara contoh terbaik bagi menggambarkan gagasan 1Malaysia.

Dialog kehidupan yang diperlihatkan melalui sikap tolak ansur dan saling menghormati dan memahami yang berlaku dalam kalangan masyarakat Sabah dan Sarawak dirujuk dalam istilah hubungan antara umat beragama sebagai toleransi. Toleransi sebagai satu pegangan hidup dalam masyarakat boleh diertikan sebagai tidak fanatik, tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai sikap keterbukaan, realistik, muafakat, tolak ansur. Bagi mereka yang mengamalkan sikap toleransi berupaya menerima kesusahan dan kritikan, boleh berkorban untuk orang lain dan bersikap terbuka serta berlapang dada.

Mohamad Zaidi Abdul Rahman¹¹ menyatakan perkataan toleransi mempunyai peranan yang signifikan bagi melahirkan kehidupan yang harmoni. Peringkat pentingnya amalan toleransi dipupuk dalam masyarakat kerana toleransi melahirkan pelbagai

¹¹ Mohamad Zaidi Abdul Rahman et.al, “Asas Toleransi Terhadap Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam,” dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 116.

sifat positif dan menghindari sikap negatif. Islam mempunyai perspektif tersendiri dalam mengertikan makna toleransi. Toleransi Islam terhadap kebebasan beragama berdiri di atas asas 'teguh pada prinsip, toleran pada sikap'. Islam menganjurkan umatnya berpegang pada prinsip kebenaran Islam tetapi tidak melunturkan sikap hormat kepada non Muslim.

Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai etnik. Selain daripada etnik Melayu dan Cina, Sarawak kaya dengan etnik-etnik peribumi seperti Iban, Melanau, Bidayuh, Kedayan, Mirik, Kiput dan lain-lain lagi. Berasaskan perangkaan 2010, kedudukan etnik di Sarawak seperti penduduk Iban sebanyak 29.5 peratus, Melayu (20.8), Bidayuh (8.4 peratus), Melanau (5.8) dan penduduk peribumi lain-lainnya sebanyak 5.5 peratus memperjelaskan senario masyarakat majmuk di Sarawak menonjolkan keunikannya yang tersendiri. Kemajmukan masyarakatnya bukan saja digambarkan melalui kepelbagaian etnik, dialek, budaya dan adat resam, malah diserikan lagi dengan kepelbagaian agama masyarakat peribumi di bumi Kenyalang. Etnik Melanau sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu Melanau dan Bidayuh dikaitkan dengan masyarakat Dayak yang memiliki kepelbagaian suku etnik dan adat resam yang berbeza berasaskan fahaman anutan masing-masing. Keunikan etnik, dialek, budaya, anutan kepercayaan dan adat resam yang berbeza dalam masyarakat Bidayuh ini sama sekali tidak menghalang mereka untuk tinggal bersama dan diperlihatkan melalui amalan toleransi dan faham pluralisme yang tinggi amat menarik untuk diterokai dengan lebih tuntas lagi. Justeru, makalah ini meneliti dengan lebih rinci pemaknaan pluralisme dan toleransi berasaskan pengalaman masyarakat Bidayuh, Sarawak.

Masyarakat Bidayuh

Masyarakat Dayak Darat ataupun etnik Bidayuh menetap di sekitar Kuching dan Samarahan di kawasan seperti daerah Serian, Kuching, Bau and Lundu, yang dikenali sebagai Lingkaran Bidayuh (*Bidayuh Belt*). Terdapat pelbagai suku kaum dalam kalangan masyarakat Bidayuh yang terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu: Selakau/Lara (daerah Lundu), Jagoi/Singai (daerah Bau), Biatah (daerah Kecil Padawan) dan Bukar/Sadong (daerah Serian). Setiap suku etnik ini mengamalkan pegangan

serta adat resam yang tersendiri. Kebudayaan dan adat resam ini banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur ritual dan kepercayaan yang mereka anuti. Pada asalnya, etnik Bidayuh menganut animisme (Pagan) seperti hampir kesemua masyarakat peribumi lain di Malaysia. Dengan kedatangan orang Barat, majoriti mereka telah memeluk Kristian. Terdapat juga dalam kalangan etnik Bidayuh yang memeluk agama Islam. Di sesetengah kampung, penganut Kristian dan Islam tinggal di kampung yang sama. Malah ada dalam kalangan mereka yang tetap tinggal serumah walaupun berlainan agama.

Berdasarkan perangkaan tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Sarawak, etnik Bidayuh membentuk sekitar 8.4 peratus (167,756 orang) daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Majoriti mereka beragama Kristian dan terdapat sebahagiannya yang masih mengamalkan animisme. Manakala menurut statistik pengislaman seluruh Sarawak yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), bagi tempoh 1975-2010, terdapat seramai 7486 orang dari kalangan etnik Bidayuh yang telah memeluk Islam dan berdaftar dengan Jabatan Agama ISLAM Sarawak (JAIS).¹² Walaupun jumlah mereka tidak besar, namun pengaplikasian toleransi dan pluralisme dalam kalangan mereka amat menarik untuk diketengahkan.

Terdapat beberapa kajian literatur berhubung masyarakat Bidayuh. Makalah ini mengemukakan sebagai gambaran awal berhubung masyarakat Bidayuh agar perbincangan toleransi dan pluralisme berasaskan pengalaman mereka dapat diselami.

Penyelidik sains sosial bernama Edmund Leach dipercayai pengkaji pertama yang melakukan satu kajian secara sistematik berkaitan etnik Bidayuh pada tahun 1947, walaupun telah terdapat kajian berhubung masyarakat Bidayuh pada tahun 1940 yang dikemukakan oleh J. Stall dalam *Folklore of Sadong Dayak*. Etnik Bidayuh merupakan kelompok pertama yang menetap di Sarawak, tetapi sejauh mana kebenarannya masih lagi dibincangkan. Menurut Staal, etnik Bidayuh adalah penduduk utama apabila wilayah ini dikuasai oleh James Brooke. Manakala berdasarkan Artikel 161A Perlembagaan Malaysia, istilah Dayak merujuk kepada dua kelompok peribumi di Sarawak iaitu Iban dan Bidayuh. James Brooke mula menggunakan istilah Dayak Laut

¹² Statistik Pengislaman Seluruh Sarawak 1975-2007.

(*Sea Dayak*) bagi menjelaskan kaitan masyarakat Iban Sarawak dengan sungai. Sebaliknya, istilah Dayak Darat (*Land Dayak*) digunakan bagi merujuk kepada kelompok Bidayuh yang mendiami kawasan Kuching, Serian and Bau Bidayuhs. Istilah 'Bidayuh' pada awalnya khusus merujuk kepada golongan Dayak Darat di kawasan Bukar-Sadung. Walau bagaimanapun selepas pembentukan Malaysia, istilah 'Bidayuh' merangkumi kelompok Dayak Darat lain termasuk Lara dan Salako di Daerah Lundu. Bidayuh mengandungi beberapa sub-etnik. Antara yang utama adalah Bukar-Sadung di daerah Serian, Bau-Jagoi di daerah Bau dan Salako-Lara di daerah Bau.

Setelah itu diikuti oleh beberapa kajian lain, misalnya satu kajian antropologi telah dibuat oleh William R. Geddes berkaitan Bidayuh Sadong. Hasil kajian tersebut, beberapa buah terbitan telah dihasilkan dan antaranya *The Land Dayak of Sarawak* (1954) dan *Nine Dayak Nights* (1957). Kajian dan terbitan ini menurut Pamela Nanci Lindell cuba melihat perubahan yang berlaku dalam etnik Bidayuh Sadong. Tulisan beliau ada menyentuh mengenai impak kedatangan Kristian ke dalam etnik Bidayuh. Walau bagaimanapun kajian ini bersifat eurosentrik, malah Lindell ada memberikan beberapa kritikan beliau terhadap Geddes. Namun hasil kerja Geddes merupakan antara usaha-usaha awal bagi mengenali etnik Bidayuh dan membuka kepada kajian-kajian seterusnya.

Noweg, T. Gabriel, Alexander A. T. dan Peter Songan dalam kertas kerja bertajuk *Rethinking and Strengthening Education Emphasis for Bidayuh Student to Meet Future Challenges* (1997) pula cuba menyingkap sejarah perkembangan pendidikan dalam etnik Bidayuh. Pembangunan pendidikan di kebanyakan kawasan Bidayuh berkembang adalah hasil langsung daripada kedatangan Kristian. Di kawasan etnik Bidayuh yang memeluk Kristian, para mubaligh Kristian membuka sekolah dan anak-anak Bidayuh didedahkan dengan pendidikan yang menggunakan bahasa Inggeris. Antaranya St James Chapel di Kampong Kuap, St. Michael Primary School di Tiang Bukap, Padawan dan St Paul primary School di Segu Bunuk, Penrissen. Salah satu strategi penyebaran Kristian ialah melalui sistem pendidikan terutamanya dalam kalangan Bidayuh Jagoi, Singgai dan Krokong. Kebanyakan para guru pada peringkat awal adalah dari kalangan

mubaligh Kristian dan sukarelawan. Kemampuan para pengajar menguasai bahasa tempatan memudahkan mereka menjalankan kerja-kerja penyebaran.

The Longhouse and The Legacy of History: Religion, Architecture and Change Among the Bisingai of Sarawak adalah hasil kajian yang dilakukan oleh Pamela Nanci Lindell. Kajian ini adalah kajian antropologi sub-etnik Bisingai, salah satu sub-etnik dalam masyarakat Bidayuh. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perkaitan antara aspek agama dan perubahan sosiobudaya dalam kalangan Bidayuh Bisingai. Sebelum kedatangan Kristian, penduduk Bidayuh Bisingai tinggal di lapang buah kampung di cerun Gunung Singai. Kebanyakan mereka tinggal di rumah panjang yang mengamalkan adat tradisi lama. Apabila mubaligh Kristian bergerak di Singai dan melakukan kerja-kerja pengkristianan, maka berlaku transformasi di dalam sistem rumah panjang. Sedikit demi sedikit penganut Kristian berpindah ke kaki Gunung Singai dan diikuti oleh pengamal kepercayaan tradisi. Kedua-dua kelompok ini tinggal sekali.

Setelah Sarawak membentuk Malaysia, sekolah-sekolah kerajaan mula dibina di kawasan etnik Bidayuh. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bermula sekitar tahun 1967 bukanlah sesuatu yang mudah. Bahasa Malaysia adalah asing kepada mereka. Ini juga telah membawa perubahan dalam masyarakat Bidayuh. Selanjutnya sebuah buku *Cabaran Dan Prospek Pengurusan Dakwah di Sarawak* (2006) yang dibahagikan kepada dua bahagian membincangkan perkembangan dakwah di Sarawak. Bahagian pertama mengandungi enam bab berkaitan pengurusan organisasi dakwah. Manakala bahagian kedua pula mengandungi enam bab berkaitan dakwah dalam budaya masyarakat Sarawak. Di dalam bab kedua ada dibincangkan tentang dakwah di perkampungan Tembawang Baru, Bau khusus mengenai dakwah di kawasan etnik Bidayuh. Perkampungan Tembawang Baru, Bau merupakan sebuah perkampungan saudara baru yang ditubuhkan pada tahun 1987. Ia dibangunkan oleh sebuah organisasi dakwah Harakah Islamiah (HIKMAH). Bab ini membincangkan tentang perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat etnik Bidayuh hasil dari kedatangan Islam.

Buku bertajuk *Representation, Identity and Multiculturalism in Sarawak* yang diedit oleh Zawawi Ibrahim dari ATMA UKM, merupakan salah sebuah terbitan terkini yang membincangkan aspek etnik di Sarawak. Buku ini membincangkan etnik Bidayuh. Buku yang diterbitkan pada tahun 2008 ini mengandungi lima belas artikel yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama yang mengandungi empat artikel memfokuskan aspek antropologi. Manakala bahagian kedua pula mengandungi enam artikel berkaitan permasalahan multibudaya. Bahagian ketiga dan terakhir pula mengandungi lima artikel yang berkaitan etnik dan identiti. Semua artikel ini disumbangkan oleh beberapa penulis tempatan dan juga antarabangsa. Selain daripada membincangkan elemen tradisi dalam etnik Bidayuh, isu agama dalam kalangan etnik Bidayuh turut dibincangkan.

Justeru melalui penulisan terdahulu menggambarkan bahawa etnik Bidayuh bukan sahaja telah menerima perubahan dari aspek pendidikan bahkan juga dari aspek anutan kepercayaan dan sekali gus terdedah kepada pelbagai budaya yang mencorakkan jalinan dan interaksi mereka dengan beraneka etnik dan ras yang lain dan mematangkan lagi perjalanan kehidupan mereka.

Perihal ini dapat dilihat daripada kajian yang dilakukan di Sarawak berhubung Budaya Toleransi dan Gejala Pluralisme pada 15 Julai – 21 Julai 2012. Kajian telah menggunakan metode temu bual dan telah menemu bual beberapa individu yang terlibat dalam urusan pentadbiran jalinan hubungan antara umat beragama seperti Mufti Sarawak Sahibus Samahah Tuan Haji Kipli Hj Yassin, pengarah Pusat Informasi Islam Sarawak (Islamic Information Centre) iaitu Puan Zaberah Ismail, ketua gereja Katolik dan Protestan Sarawak. Kajian turut mengedarkan 100 set soal selidik (item-item soal selidik telah disahkan oleh pihak pakar antaranya Prof Madya Dr Ghazali Basri, Prof Madya Dr Matnor Mamat, Prof Madya Dr Salahuddin Suyorno, Dr Albert Sundararj, Encik Amrose Linang)¹³ kepada masyarakat Bidayuh dan metode pemerhatian ikut serta turut dilakukan untuk mendalami fenomena

¹³ Kajian rintis telah dilakukan kepada 34 responden terdiri daripada masyarakat Sarawak beraneka etnik meliputi masyarakat Bidayuh dan hasil daripada dapatan kajian rintis; beberapa *item* soal selidik dimurnikan dan setelah mendapat pengesahan pakar, borang soal selidik diedarkan kembali bagi mendapatkan data bagi penulisan makalah ini.

pluralisme dan toleransi dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Hasil kajian awal ini dikemukakan untuk menilai pengalaman masyarakat Bidayuh berhubung aspek pluralisme dan toleransi.

Amalan Toleransi

Kepelbagaian agama di Sarawak tidak hanya tertumpu kepada kehadiran agama besar dunia yang terdiri daripada agama Islam dan Kristian serta agama budaya seperti Buddha, Hindu dan Sikh, tetapi juga 'tiada agama', iaitu mereka yang hanya berpegang kepada kepercayaan animisme atau agama Pagan. Keanekaan anutan kepercayaan ini turut mewarnai perjalanan hubungan antara umat beragama di bumi Kenyalang ini. Melalui pemerhatian ikut serta kami dan juga temu bual berstruktur dan mendalam pada 15-21 Julai 2013, tidak dinafikan wujudnya faham agama yang tinggi dalam kalangan pelbagai etnik masyarakat Sarawak. Biarpun berbeza agama, namun masyarakat peribumi yang menganuti Kristian dan Pagan sangat menghormati etnik yang beragama Islam dan dapat dilihat 'secara automatik' setiap hidangan makanan dan minuman akan dipastikan kehalalannya oleh mereka, jika ingin menjamu rakan Muslim mereka. Masyarakat berlainan agama ini turut saling memahami perkara-perkara asas sesebuah agama yang lain melalui forum Q & A (*Question & Answer*) yang dianjurkan oleh Islamic Information Centre yang diadakan pada setiap minggu kepada Muslim – non Muslim Sarawak. Selain itu, *multi-cultural forum* turut diadakan di pusat tersebut dalam usaha menyebarkan dan menjelaskan konsep ajaran Islam kepada non Muslim. Istilah yang diguna pakai oleh pihak pusat penerangan ini memberikan nafas baru kepada dialog antara agama yang sering disalah ertikan sebagai medan perbincangan serius berhubung isu-isu doktrin agama. Justeru, istilah yang lebih mesra diperkenalkan oleh pusat tersebut dalam usaha dakwah mereka kepada Muslim – non Muslim. Ini ditegaskan oleh Puan Zabariah bahawa pelabelan merupakan antara strategi beliau untuk menarik minat non Muslim mendekati Islam dan mengetahui ajaran Islam dengan lebih rinci melalui forum pelbagai budaya ini. Bahkan forum seumpama ini juga turut ditujukan kepada masyarakat Muslim Sarawak untuk terus mendalami ajaran Islam. Beliau menambah strategi ini merupakan antara metode yang dijiwainya ketika mendalami pengajian Islam

di Universiti Islam Antarabangsa yang menggagaskan ilmu Perbandingan Agama sebagai wadah berwacana dan berdialog antara Muslim – non Muslim.¹⁴

Pandangan Zabariah itu turut diperakui oleh Sahibus Samahah Mufti Sarawak, Haji Kipli Haji Yasin yang menekankan bahawa strategi sedemikian merupakan antara pendekatan dakwah yang mengambil kira pluraliti masyarakat Sarawak dan sekali gus memperlihatkan toleransi dititikberatkan agar ‘rasa persaudaraan’ biarpun berbeza etnik yang telah disemai semenjak kecil lagi dapat terus diperkukuhkan dan dipertahankan. Beliau turut menjelaskan bahawa kedudukan masyarakat Muslim Sarawak yang minoriti berbanding masyarakat penganut Katolik dan Protestan dan diikuti masyarakat penganut animisme tidak mengurangkan walau sedikit pun rasa ukhawah dalam kalangan masyarakat pelbagai agama di Sarawak ini. Ikatan tersebut dapat dilihat khususnya semasa sambutan perayaan Hari Raya iaitu masyarakat penganut agama lain akan turut mengaplikasikan budaya bermaaf-maafan, berpakaian baju Melayu lengkap bersampin selama seminggu ketika berkunjung ke rumah rakan-rakan Muslim. Ini kerana masyarakat Muslim telah memperlihatkan amalan mulia itu kepada rakan-rakan non Muslim. Justeru, sebagai tanda hormat dan jalinan ukhawah rakan non Muslim turut bersama meraikannya.¹⁵ Malahan rakan non Muslim turut peka dengan asas ajaran Islam apabila dalam melaksanakan sesebuah majlis yang turut disertai rakan Muslim yang lain, mereka akan sentiasa memastikan majlis berlangsung setelah waktu solat masyarakat Muslim agar perjalanan ibadah mereka tidak terganggu dengan majlis.¹⁶

Sikap toleransi ini tidak hanya dapat dilihat daripada keraian semata-mata bahkan ia ditonjolkan melalui perlakuan kahwin campur yang amat lumrah di Sarawak. Masyarakat Iban

¹⁴ Zabariah Haji Matali (Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Penerangan Islam (Islamic Information Centre), Kuching, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

¹⁵ Haji Kipli Haji Yasin (Mufti Sarawak, Pejabat Mufti Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

¹⁶ Haji Kipli Haji Yasin (Mufti Sarawak, Pejabat Mufti Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013, dan Zabariah Haji Matali (Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Penerangan Islam (Islamic Information Centre), Kuching, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

berkahwin dengan masyarakat Melanau, Bidayuh berkahwin dengan Melayu dan sebagainya adalah perkara yang bukan luar biasa dan perlu ditakutkan. Bahkan masyarakat Muslim Sarawak merasakan satu keistimewaan sekiranya dapat mengahwini wanita dari suku etnik selain etnik mereka kerana bukti kemampuan mereka memenangi dan menambat hati keluarga etnik berbeza yang membuktikan masyarakat Muslim memiliki karisma dan boleh dipercayai memberi perlindungan; selain dipercayai anak yang lahir hasil perkahwinan campur merupakan anak-anak yang bijak dan yang utama membuktikan mereka adalah individu yang paling toleran dari aspek hubungan antara umat beragama.¹⁷

Amalan toleransi antara masyarakat pelbagai agama dan etnik di Sarawak dapat dilihat amat tinggi. Perihal ini ditonjolkan melalui pengalaman pergaulan luas, penempatan penduduk pelbagai etnik yang bercampur dan perkahwinan campur yang berkembang luas. Selain itu, nilai toleransi yang tinggi ini dapat dibuktikan melalui hubungan antara Muslim – non Muslim yang bersikap sedia menerima pembinaan rumah ibadah yang saling berdekatan antara satu sama lain. Malah ada antara anggota keluarga Muslim dan ‘Saudara Kita’ yang dijaga oleh kalangan keluarga non Muslim. Keluarga non Muslim ini turut memastikan anggota keluarga Muslim terus mendapat pendidikan agama di sekolah biarpun penempatan mereka dikelilingi keluarga non Muslim yang menjalankan aktiviti keagamaan di gereja atau juga rumah ibadat agama masing-masing. Bahkan ketua kampung Koran Paneg sebuah penempatan masyarakat Bidayuh di Serian, Sarawak iaitu KK Sindu turut memelihara cicitnya yang beragama Islam; Indira Kurniawan Muhammad Amirul bin Muhammad Amirul @ Ambrose Abdullah yang telah kehilangan kedua ibu bapanya (ibu Melayu Muslim, ayah Bidayuh Muslim). Beliau menambah bahawa cicitnya itu adalah cucu kepada anak lelakinya yang telah memeluk Islam dan berkahwin dengan seorang ustazah berasal dari Kelantan. Ketua kampung tersebut turut memaklumkan bahawa anak perempuannya Janet @ Nortikah Abdullah telah berkahwin dengan pemuda Melayu Tebekang bernama Suhaimi dan kini menetap di Kuala Lumpur. Encik KK

¹⁷ Zabariah Haji Matali (Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Penerangan Islam (Islamic Information Centre), Kuching, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

Sindu memaklumkan bahawa ketika anak gadisnya ingin mengahwini Suhaimi, beliau mengizinkan kerana baginya “agama adalah sama dan yang berbeza hanyalah cara pelaksanaan agama untuk membawa penganutnya ke syurga.” Beliau juga meyakini bahawa individu penganut yang berbuat baik pasti akan dikurniakan syurga dan semua perkara tersebut dipercayai oleh setiap ajaran agama. Atas asas bahawa semua agama adalah sama, beliau tidak menghalang anak-anaknya untuk menganuti mana-mana agama yang dipilih.¹⁸ Selain anaknya memeluk Islam, KK Sindu turut memaklumkan bahawa adik lelakinya KK Gundu telah memeluk Islam dan berkahwin dengan wanita Melayu Kuching, Sarawak. Beliau menegaskan bahawa biarpun agama anutannya dan isteri jauh berbeza dengan adik lelakinya, ipar duainya, anak menantu dan cucu-cicitnya, ia tidak menghalang sama sekali hubungan kekeluargaan terus dikekalkan bahkan bertambah kukuh kerana setiap kali sambutan perayaan Hari Raya, Hari Gawai dan Krismas, adik lelaki, ipar duai, anak menantu dan cucunya yang beragama Islam ini akan meraikannya bersama beliau dan isteri. Beliau turut menambah cucu-cucunya yang beragama Islam akan sentiasa mengunjungi beliau dan isteri setiap kali cuti semester pengajian universiti dan tinggal bersama tanpa rasa kekok. Malah, beliau menyatakan cucu-cucunya yang beragama Islam merupakan cucu-cucu kesayangannya kerana mereka bijak mengambil hati, menyayangnya dan isteri dan amat menghormati anutan keyakinannya. Beliau menjelaskan bahawa isterinya akan memastikan makanan dan minuman yang dihidangkan sepanjang anak menantu dan cucu-cucunya pulang dan tinggal bersama adalah halal dan baik (*tayyibah*). Bahkan beliau kini turut memastikan segala barangan yang berada di rumahnya adalah ‘halal’ memandangkan beliau kini memelihara cicitnya yang beragama Islam.¹⁹ Beliau menegaskan peri pentingnya menjaga amanah tuhan yang telah memilih beliau untuk memelihara cicitnya yang beragama Islam dan akan terus memastikannya

¹⁸ KK Sindu (Ketua Kampung Bidayuh, Kampung Koran Paneg, Serian), dalam temubual dengan penulis, 19 Julai 2013). Beliau berusia 72 tahun serta merupakan pemimpin gereja Protestan di kampung tersebut.

¹⁹ KK Sindu (Ketua Kampung Bidayuh, Kampung Koran Paneg, Serian), dalam temubual dengan penulis, 19 Julai 2013). Beliau berusia 72 tahun serta merupakan pemimpin gereja Protestan di kampung tersebut.

membesar sebagai penganut Muslim yang baik. Beliau turut berbangga membingkai potret anak menantu dan cucunya yang beragama Islam dan mengekalkan cara hidup Islam di ruang tamunya dan memperlihatkannya kepada rakan taulan. Beliau tidak pernah mengetahui istilah pluralisme dan toleransi, tetapi apa yang telah dilakukannya adalah atas rasa tanggungjawab dan persekitarannya dibesarkan kerana pergaulan yang luas dengan beraneka etnik dan masing-masing memiliki anutan keyakinan yang berlainan namun tetap sentiasa mengamalkan sikap saling menghormati dan bekerjasama.²⁰

Perihal yang sama seumpama ini dapat dilihat dari kehidupan sebuah lagi keluarga Bidayuh; Agnes @ Azizah Abdullah yang beragama Kristian dan kemudiannya memeluk Islam kerana mengahwini pemuda Melayu Sarawak. Selepas kematian suaminya, anak bongsunya telah dipelihara oleh ibu bapanya yang masih menganuti Kristian. Agnes mengakui bahawa tidak pernah timbul masalah dari aspek pendidikan agama kerana ibu bapanya akan sentiasa memastikan anak bongsunya menghadiri kelas agama yang diperuntukkan di sekolah rendah di kawasan penempatan masyarakat Bidayuh biarpun hanya terdapat seramai 7 orang pelajar Muslim. Agnes menjelaskan bahawa beliau tetap mengunjungi keluarga sebelah suaminya setiap kali sambutan Hari Raya dan begitu sebaliknya. Beliau tidak pernah menganggap tindakannya mengizinkan anak bongsunya yang hanya berusia 5 tahun dipelihara keluarga Kristian akan menjejaskan akidah anaknya kerana yakin bahawa ibu bapanya akan sentiasa memelihara amanahnya.²¹ Agnes menjelaskan bahawa dua orang adik perempuannya juga turut bertunang dengan pemuda Melayu Pulau Pinang dan Kedah dan akan melangsungkan perkahwinannya dalam penghujung tahun ini. Beliau menambah bahawa pergaulannya semasa kecil dengan masyarakat pelbagai etnik dan agama anutan di Sarawak telah membuka ruang pengetahuan yang memahamkannya bahawa setiap individu perlu saling menghormati dan saling menyayangi agar ikatan dan jalinan

²⁰ KK Sindu (Ketua Kampung Bidayuh, Kampung Koran Paneg, Serian), dalam temubual dengan penulis, 19 Julai 2013). Beliau berusia 72 tahun serta merupakan pemimpin gereja Protestan di kampung tersebut.

²¹ Agnes @ Azizah Abdullah (Serian, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

hubungan kemasyarakatan dapat dikukuhkan. Perasaan sebagai saudara yang ditanamkan sedari kecil telah mendewasakannya agar sentiasa bersifat terbuka dengan individu yang berlainan agama dan bangsa. Atas asas ini, keluarganya tidak pernah menghalang beliau dan adik perempuannya untuk mengahwini mana-mana pemuda biarpun berbeza agama dan etnik.²²

Boleh dikatakan masyarakat majmuk di Sarawak memberi pengiktirafan hakikat kepelbagaian agama dan sedia menerima masyarakat berbilang etnik dengan pelbagai budaya yang turut dikongsi bersama antara seluruh masyarakat etnik Sarawak. Multi budaya dalam kalangan masyarakat Sarawak tidak hanya menjadi identiti etnik tertentu tetapi telah turut diperakui sebagai keunikan penduduk Sarawak keseluruhannya kerana wujudnya darah campuran dari kepelbagaian etnik. Ini dapat dilihat daripada hasil dapatan soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat tempatan Sarawak khususnya masyarakat Bidayuh. Sebanyak 100 set soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 65 set soal selidik dikembalikan. Latar belakang responden yang beraneka etnik, namun kebanyakan memiliki darah campuran Bidayuh khususnya menepati topik penulisan. Dapatan ini boleh dilihat daripada soalan yang dikemukakan:

Latar Belakang Responden

	Etnik	Bil
1	Melayu	31
2	Iban	5
3	Bidayuh	11
4	Melanau	8
5	Cina	5
6	Lain-lain	5
	Jumlah	65

²² Agnes @ Azizah Abdullah (Serian, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.


Agama		Bil
1	Islam	44
2	Kristian	18
3	Pagan/Agama nenek moyang	0
4	Buddha	1
5	Hindu	2
6	Lain-lain	0
Jumlah		65

Selain itu, hasil dapatan turut menjelaskan tahap amalan toleransi dan sekali gus menyerlahkan faham pluralisme dalam kalangan masyarakat Sarawak beraneka etnik khususnya masyarakat Bidayuh. Ini boleh diteliti daripada perbincangan berikut.

Budaya Toleransi

Soalan 1: Adakah anda mempunyai keluarga campur yang berbeza etnik dan agama?


49% responden menjawab YA dan 51% menjawab TIDAK. Keluarga campur yang didapati hasil dari soal selidik ini kebanyakannya berdarah Bidayuh.




Soalan 2: Adakah semua ahli keluarga tinggal bersama dalam satu rumah?

26% responden menjawab YA dan 74% menjawab TIDAK. Walaupun bilangan yang tinggal bersama adalah sedikit berbanding tidak tinggal bersama, ia telah turut menyumbang kepada corak penerimaan, ikatan kekeluargaan, jalinan dan interaksi dalam kalangan keluarga yang tinggal bersama dan

berbeza agama anutan. Sikap toleran dapat disingkap dari perlakuan masyarakat ini. Ini dijelaskan dalam soalan berikutnya.




Soalan 3: Sekiranya Ya, terangkan perasaan atau sambutan anda terhadap situasi tinggal bersama dalam keluarga berbilang agama. Hanya 12% responden rasa tidak selesa. Manakala 32% pula berasa selesa dan 56% pula tidak berasa janggal terhadap situasi tinggal bersama dalam keluarga berbilang agama. Ini menggambarkan tahap toleransi majoriti responden adalah tinggi. Ini menjelaskan realitinya sebanyak 88% responden berasa selesa dan tidak berasa janggal terhadap situasi tinggal bersama dalam keluarga berbilang agama. Situasi seperti ini merupakan fenomena yang lumrah di Sarawak.



Soalan 4: Adakah ahli keluarga anda sentiasa mengamalkan makan bersama tanpa mengasingkan antara keluarga yang berbeza agama?

75% responden menjawab YA manakala 25% lagi menjawab TIDAK.



Dapatan ini menjelaskan lagi reaksi dan perlakuan hubungan masyarakat beraneka etnik dan berbeza agama yang saling memberikan pengiktirafan dan sikap saling menghormati adalah amat tinggi. Apatah lagi mereka turut berkongsi asas persamaan yang sama kerana memiliki darah campuran melalui hubungan perkahwinan.

Ia turut menonjolkan bahawa model 1Malaysia yang dimiliki masyarakat Sarawak ialah model hubungan antara agama yang terbentuk melalui proses semula jadi. Sifat semula jadi ini wujud kerana konsep 'tinggal bersama' dan 'pertemuan' berlaku dalam suasana interaksi yang luas dan spontan serta didorong oleh asas persamaan yang dikongsi bersama.


Interaksi antara penganut berbeza agama dan etnik bermula sejak zaman kanak-kanak, iaitu sebelum bersekolah. Interaksi yang wujud membentuk jalinan persahabatan merentasi sempadan etnik dan agama. Misalnya, rakan sepermainan, sejiran, sekelas, sama sekolah, seasrama, serumah, rakan sekerja sehinggalah membentuk 'rakan sepasang.'

Persamaan asas yang dikongsi bersama seperti menjalankan urusan niaga di pasar mingguan yang diadakan sekali seminggu di segenap pekan dan bandar di Sarawak, bukan saja menyediakan ruang interaksi ekonomi, malah turut menyediakan ruang pertemuan pelbagai etnik dan agama di samping menjadi ruang menyebarkan maklumat. Ia juga memberi mereka kesempatan berkenalan dan menonjolkan kebudayaan masing-masing. Secara tidak langsung pasar mingguan memberi kesempatan kepada masyarakat penduduk Sarawak untuk mengenali satu sama lain di samping mewujudkan kemesraan serta memupuk persefahaman hasil daripada aktiviti yang dikongsi bersama. Selain itu memperlihatkan bahawa masyarakat etnik Sarawak saling bergantung kepada penghasilan ekonomi yang dihasilkan oleh etnik lain. Ia juga mencambahkan perasaan cinta antara pasangan muda mudi sehingga berlangsungnya ikatan perkahwinan antara etnik.

Hari Gawai atau turut dikenali sebagai Pesta Hari Menuai yang pada asalnya dirayakan dalam kalangan masyarakat Dayak (Bidayuh) sahaja tetapi kini diberi pengiktirafan sebagai satu perayaan kebudayaan peringkat nasional dan turut diraikan bersama etnik lain. Sejajar dengan peredaran zaman dan kemajuan


negara, perayaan itu kini menjadi perayaan semua kaum yang merintis jalan untuk mencapai konsep 1 Malaysia. Begitu juga sambutan perayaan Hari Raya dan Krismas turut disambut bersama oleh masyarakat penduduk Sarawak beraneka etnik sebagaimana yang ditegaskan oleh Sahibus Samahah Mufti Sarawak. Selain hasil temu bual bersama SS Mufti Sarawak, hasil dapatan soal selidik menjelaskannya lagi.

Soalan 5: Adakah keluarga anda menyambut perayaan bersama? 91% menjawab YA dan hanya 9% menjawab TIDAK.



Soalan 6: Jika Ya, apakah jenis sambutan perayaan yang disambut bersama?

69% responden menjawab mereka menyambut hari raya, 40% responden menjawab mereka menyambut Krismas, 29% responden menjawab mereka menyambut Pesta Menuai, manakala 19% responden menjawab mereka menyambut lain-lain perayaan.



Demikian juga peranan bahasa Melayu yang berasaskan dialek Melayu Sarawak diterima pakai sebagai lingua franca kepada penduduk Sarawak tanpa mengira etnik dan agama. Penggunaan bahasa yang sama dapat memupuk persefahaman dan perpaduan yang baik di antara pelbagai etnik.

Namun, penggunaan bahasa Melayu yang baik masih lagi menimbulkan persoalan apabila penggunaan bahasa Melayu di

Sarawak dikatakan agak ranah. Memandangkan dialek Melayu Sarawak ini mempunyai ciri dan sifatnya tersendiri, ramai anak Sarawak yang belajar atau berhijrah ke Semenanjung lebih cenderung bergaul sesama mereka.

Keadaan ini bukan dipengaruhi oleh sentimen kenegerian atau bersikap prejudis terhadap rakan Semenanjung, sebaliknya pergaulan dan interaksi yang terjalin sesama ‘anak perantau Sarawak’ dapat mengurangkan masalah *tongue twist*. Dengan kata lain, pergaulan lebih mudah kerana tidak perlu bertukar bahasa atau dialek dan mereka bebas menuturkan perkataan atau kosa kata yang hanya difahami mengikut ‘slang’ orang Sarawak.

Tuntasnya, pasar mingguan, sambutan hari Gawai, bertutur dalam dialek Melayu Sarawak bukan saja mewujudkan ruang interaksi dan memudahkan pergaulan berlaku, malah memupuk semangat solidariti dan perasaan pertanggungjawaban dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan etnik.


Pengalaman Nur Hidayah Abdullah iaitu salah seorang etnik Bidayuh agak berbeza daripada pengalaman KK Sindu dan Agnes yang memaklumkan bahawa sikap toleran yang amat tinggi diperlihatkan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sarawak tidak pernah membuka mata hatinya untuk mendalami Islam. Ini kerana beliau berasa amat dihargai, disanjung dan telah diberikan layanan sama rata oleh masyarakat etniknya dan tambahan lagi ayahnya merupakan pemimpin gereja Protestan di penempatan masyarakat Bidayuh, Serian, Sarawak. Justeru sebagai anak pemimpin Protestan, beliau menerima penghormatan dan sanjungan yang tinggi. Beliau turut menjelaskan bahawa rakan karibnya adalah dari kalangan masyarakat Muslim yang sama-sama belajar di sekolah rendah sehingga menengah. Apabila, beliau melanjutkan pengajian di luar negara bersama rakan karib Muslimnya; ketika mengunjungi gereja untuk melakukan ritual agama, beliau telah dimaklumkan bahawa dirinya tidak dialu-alukan di gereja tersebut kerana ia khusus untuk masyarakat Kristian berkulit putih dan begitu juga yang dialaminya ketika mengunjungi gereja untuk masyarakat kulit hitam. Perkara seumpama itu tidak berlaku ketika beliau mengikuti rakan karib Muslimnya melakukan solat di sebuah masjid di luar negara itu kerana melihat penganut Muslim yang beraneka etnik saling

menghormati dan memperlihatkan rasa ukhuwah yang tinggi. Realiti yang dilihatnya itu mengingatkannya kepada sikap toleran masyarakat Sarawak. Justeru telah membuka hatinya untuk memeluk Islam. Walaupun pada peringkat awalnya, masyarakat setempat sukar menerima perubahan agama anutannya kerana ayahnya merupakan pemimpin Protestan dan juga kerana segelintir masyarakat tempatan melihat Islam sebagai agama 'lawan' Kristian dan beberapa peraturan ajaran Islam dilihat sebagai 'sukar.' Namun atas ketegasan ayahnya yang menjelaskan kepada masyarakat setempat bahawa setiap agama adalah benar dan kewajaran memelihara keharmonian yang sekian lama dikecapi perlu dipertahankan. Atas asas agama sama benar, sama-sama menuju kebaikan; perubahan anutannya diterima masyarakat setempat. Apatah lagi biarpun beliau berbeza agama, namun hubungan kekeluargaan tetap diperkukuhkan dan sekali gus memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan asas ajaran Islam kepada masyarakatnya. Bertitik tolak dari itu juga semakin ramai rakan-rakannya yang memeluk Islam dan diterima baik oleh masyarakat setempat.²³

Perihal yang sama boleh diteliti daripada dapatan soal selidik berikut:

Soalan 7: Adakah anda berdepan dengan masalah atau kesukaran untuk hidup bersama ahli keluarga yang berbilang agama?

Hanya 8% responden yang menjawab mereka berdepan masalah sebaliknya 92% pula mengatakan mereka tidak berhadapan masalah atau kesukaran untuk hidup bersama ahli keluarga yang berbilang agama. Ini menunjukkan tahap toleransi yang tinggi diamalkan dalam kalangan masyarakat setempat di Sarawak.



²³ Nurul Hidayah Abdullah (berdarah Bidayuh; salah seorang pegawai di Unit Saudara Kita (USK), Kuching, Sarawak), dalam temubual dengan penulis, 18 Julai 2013.

Soalan 8: Jika Ya, nyatakan apakah antara masalah yang dihadapi?

3% responden menyatakan mereka berhadapan masalah keluarga yang beranggapan bahawa Islam adalah agama yang penuh pantang larang, sukar dan berdisiplin. Mereka yang non Muslim melihat amalan agama Islam saudara mereka yang Muslim wajar dilakukan mengikut waktu dan perkara seperti ini tidak dilihat sebelum ini.

Hanya 1% responden menyatakan mereka menghadapi masalah keluarga yang berasa kurang selesa melihat amalan Islam dipraktikkan di dalam rumah seperti solat, puasa, mengaji dan sebagainya. Pun begitu, mereka tidak pernah bertindak kasar kepada anggota keluarga mereka yang Muslim bahkan tetap terus menghormati amalan saudara Muslim.

3% responden menyatakan mereka menghadapi masalah keluarga yang realitinya merasa kurang selesa dengan cara hidup Islam yang terlalu mengikut peraturan agama.

Hanya 1% responden menyatakan mereka menghadapi masalah keluarga yang melihat agama Islam adalah antara agama yang begitu bersaing rapat dengan agama anutan mereka iaitu Kristian.

Hanya 1% responden menyatakan mereka menghadapi masalah selain faktor-faktor di atas. Antara lain kerana mereka berpendapat bahawa pembahagian kawasan politik turut mewarnai situasi tersebut.

Soalan 9: Jika Tidak, nyatakan kenapa anda tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama?

Sebanyak 56% responden menyatakan mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama kerana setiap anggota keluarga mempercayai bahawa semua agama adalah sama benar kerana setiap agama membawa kebaikan dan menuju jalan tuhan.

Manakala sebanyak 29% responden menyatakan alasan mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama kerana anggota keluarga mempercayai bahawa semua agama adalah sama benar kerana

setiap agama memberi jaminan keselamatan kepada penganutnya pada akhir hidup mereka.

49% responden pula menyatakan mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama kerana setiap anggota keluarga telah mendidik dan mengajar mereka untuk saling menghormati, berinteraksi, bergaul, berkawan baik dan menjalinkan hubungan mesra dengan setiap penganut agama yang berbeza.

58% responden menyatakan bahawa antara alasan mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama adalah kerana setiap anggota keluarga tidak pernah beranggapan negatif terhadap penganut agama lain dan meyakini bahawa perbezaan itu adalah satu keunikan yang perlu dihargai.

9% responden menyatakan bahawa alasan mereka tidak menghadapi sebarang masalah untuk hidup bersama keluarga yang berbilang agama adalah atas sebab-sebab selain yang dinyatakan di atas. Antaranya adalah kerana perlunya memiliki sikap terbuka untuk menjalani kehidupan bersama.

Tidak dinafikan wujudnya cabaran kerana kepelbagaian merumitkan usaha ke arah perpaduan dan kesatuan masyarakat. Apatah lagi masyarakat penganut Kristian merupakan populasi terbesar berbanding masyarakat Muslim di Sarawak. Ini bererti dominasi agama Kristian sama ada Katolik dan Protestan lebih terserlah berbanding anutan agama lain. Apatah lagi kepelbagaian masyarakat turut membawa kepada kepelbagaian budaya yang kemudiannya mempengaruhi budaya politik sesebuah negara/negeri. Menurut Nidzam, kemajmukan penduduk Sarawak serta perasaan terhadap elemen primordial mereka, menyebabkan wujud budaya politik yang pelbagai dan berpecah belah serta menghasilkan persaingan yang begitu sengit memandangkan setiap parti mempunyai sokongan kelompok-kelompok masing-masing. Oleh keadaan itu, setiap parti politik di negeri ini tidak dapat membentuk majoriti melebihi 50 peratus oleh sebuah parti dominan bagi membentuk kerajaan negeri dan terpaksa beralih kepada pendekatan permuafakatan dan gabungan bagi pembentukan kerajaan dan sebagai jalan keluar terbaik kepada permasalahan masyarakat majmuk ini. Menurut Ahmad Nidzammuddin lagi, satu perkara yang menarik mengenai politik

gabungan di Sarawak adalah struktur gabungan campurannya yang dianggap tidak konsisten berbanding dengan gabungan Barisan Nasional, (BN) di peringkat pusat. Ini kerana sering berlaku tindakan keluar dan masuk daripada gabungan yang berlaku sejak tahun 1962 lagi yang mana ketika itu dikenali sebagai Kerajaan Perikatan sebelum dinamakan BN Sarawak. Namun, kedinamikan senario politik di Sarawak di dalam konteks perkauman, permuafakatan dan persaingan diatasi melalui sikap saling menghormati dan jalinan dan interaksi yang tekal antara etnik. Cabaran seumpama ini memantapkan masyarakat Sarawak, bahkan situasi ini sama sekali tidak menjejaskan pergaulan mesra, suasana harmoni, bertoleransi serta hormat menghormati terus bertahan kuat sebagai cara hidup penduduk Sarawak dalam meneruskan kehidupan.

Ini adalah kekuatan yang menjadi tunjang perpaduan dan keharmonian hidup bersama warga Malaysia di Sarawak yang unik dan berbeza dengan negeri-negeri di Semenanjung khususnya. Namun keadaan yang hampir sama turut boleh dilihat di negeri Sabah yang amat berjaya dari aspek interaksi dan jalinan hubungan antara umat beragama. Justeru Sarawak dan Sabah telah terpilih sebagai negeri contoh untuk model 1Malaysia.

Keharmonian hidup yang dikecapi warga Malaysia di Sarawak adalah warisan sejarah yang dicorakkan daripada akar sejarah Sarawak. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan Sarawak dan Sabah telah diangkat sebagai contoh terbaik konsep 1Malaysia dalam konteks perpaduan masyarakat di kedua-dua negeri itu. Amalan toleransi dan faham pluralisme memarakkan lagi ikatan dan jalinan hubungan antara umat beragama dalam kalangan masyarakat Bidayah khususnya dan masyarakat pelbagai etnik di Sarawak. Walaupun terma-terma toleransi dan khususnya pluralisme tidak difahami, namun amalannya adalah amat terserlah sebagaimana yang dibincangkan di atas. Selain itu, dapatan berikutnya mengukuhkan lagi pemaknaan toleransi dan pluralisme yang dilihat dari konteks hubungan antara umat beragama dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sarawak.

Amalan Pluralisme

Hasil temu bual dan soal selidik yang didapati daripada kajian ini turut membuktikan bahawa selain amalan toleransi yang amat


tinggi diaplikasikan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sarawak dan khususnya dalam kalangan masyarakat Bidayuh, masyarakat ini turut menerima amalan pluraliti dalam hubungan antara umat beragama. Bahkan segelintirnya bersikap terbuka dengan menerima bahawa setiap agama itu adalah sama benar dan sama-sama membawa kepada jalan tuhan seperti yang disingkap daripada penemuan hasil soal selidik seperti yang dibincangkan terdahulu.

Apabila ditelusuri secara lebih rinci, ternyata bahawa masyarakat Bidayuh ini sebilangannya tidak pernah mendengar dan memahami istilah toleransi dan khususnya pluralisme. Namun melalui perincian kajian didapati amalan pluralisme iaitu sikap pluraliti mereka menerima keadaan kemajmukan etnik dan agama anutan adalah amat tinggi dan nilai toleran yang ditonjolkan juga amat mengagumkan.

Berasaskan dapatan seperti yang dikemukakan berikutnya, memperlihatkan sikap keterbukaan masyarakat Bidayuh terhadap kepelbagaian atau pluraliti.

Soalan 10: Pernahkah anda mendengar perkataan “Pluralisme Agama”?

Hanya 35% responden menjawab bahawa mereka pernah mendengar perkataan “Pluralisme Agama.” Manakala sebanyak 65% responden menjawab mereka tidak pernah mendengar perkataan “Pluralisme Agama.”



Soalan 11: Jika Ya, apakah yang anda faham mengenai pluralisme?

35% responden memahami pluralisme agama adalah meletakkan bahawa semua agama adalah sama benar.

52% responden menjawab bahawa kefahaman mereka tentang pluralisme sebagai satu bentuk percampuran ajaran agama dengan ajaran agama yang lain.


15% responden menjawab pluralisme agama dapat dilihat melalui amalan kahwin beza agama tanpa perlu memeluk Islam.

19% responden memahami pluralisme agama melalui amalan sambutan perayaan secara bersama tanpa mengambil kira batas peraturan agama penganut.

Manakala 15% responden menjawab lain-lain definisi dalam memahami istilah pluralisme. Antaranya adalah menerima apa juga bentuk amalan agama lain dengan sikap terbuka. Jawapan yang berlainan namun tetap merujuk kepada amalan yang telah menjadi budaya masyarakat tersebut antaranya amalan meraikan sambutan secara bersama dan amalan kahwin beza agama. Amalan ini menjelaskan penerimaan mereka bahawa agama adalah sama benar dan kerana amalan tersebut juga melahirkan percampuran ajaran antara agama. Ini menunjukkan bahawa masyarakat ini memahami istilah pluralisme secara tidak langsung dan memberikan ‘pemaknaan’ yang lebih luas menurut konteks amalan dan kefahaman mereka.

Soalan 12: Adakah anda pernah mendengar kahwin campur beza agama di kawasan tempat anda atau di mana-mana tempat di Sarawak?

67% responden menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berita mengenai kahwin campur beza agama dan 33% lagi tidak pernah mendengarnya. Ini secara tidak langsung



memperlihatkan amalan toleran yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sarawak kerana perkahwinan beza agama merupakan amalan yang lumrah dan telah diterima baik. Dapatan berikutnya menjelaskan fenomena tersebut dengan lebih rinci dan sekali gus membuktikan sikap keterbukaan masyarakat

dalam urusan perkahwinan beza agama dan menonjolkan amalan toleran yang tinggi.


Soalan 13: Bolehkah anda anggarkan berapa ramai pasangan beza agama (Muslim – non Muslim) yang berkahwin tanpa menukar agama?

Sebanyak 60% responden menganggarkan terdapat 1-3 pasangan beza agama (Muslim – non Muslim) yang berkahwin tanpa menukar agama.

10% responden menganggarkan terdapat 4-6 pasangan beza agama (Muslim – non Muslim) yang berkahwin tanpa menukar agama.


Hanya 1% responden menganggarkan terdapat 7-10 pasangan beza agama (Muslim – non Muslim) yang berkahwin tanpa menukar agama.

Manakala 29% responden menganggarkan terdapat lebih daripada 10 pasangan beza agama (Muslim – non Muslim) yang berkahwin tanpa menukar agama.



Soalan 14: Pernahkah berlaku perselisihan/perbalahan/pergaduhan antara pihak berbeza agama di kampung anda atau di tempat lain?

31% responden menjawab bahawa pernah berlaku perselisihan, perbalahan atau pergaduhan antara pihak berbeza agama di kampung mereka atau di tempat lain.



Manakala 69% responden menjawab bahawa tidak pernah berlaku perselisihan, perbalahan atau pergaduhan antara pihak berbeza agama di kampung mereka atau di tempat lain.

Hasil dapatan menjelaskan bahawa perkahwinan beza agama yang lumrah di Sarawak kurang menimbulkan masalah besar.

Soalan 15: Jika Ya, apakah faktor yang menyebabkan perselisihan itu berlaku?

28% responden menjawab perbezaan pendapat kerana berbeza agama sebagai faktor yang menyebabkan perselisihan berlaku.

12% responden berpendapat perbezaan pendapat kerana masalah ekonomi merupakan antara faktor yang menyebabkan perselisihan itu berlaku.


Hanya 5% responden menjawab perbezaan pendapat kerana berbeza fahaman politik sebagai faktor yang menyebabkan perselisihan itu berlaku.

Manakala 6% responden menjawab perselisihan itu berlaku disebabkan oleh faktor-faktor selain daripada faktor di atas antaranya kurang komunikasi dan kasih sayang.

Soalan 16: Apakah sikap berbelas kasihan, menghormati tetamu dan berkawan baik dengan jiran boleh mendorong diri seseorang terlibat dalam gejala pluralisme?

43% responden menjawab sikap berbelas kasihan, menghormati tetamu dan berkawan baik dengan jiran boleh mendorong diri seseorang terlibat dalam gejala pluralisme.


Manakala 57% pula menjawab sikap berbelas kasihan, menghormati tetamu dan berkawan baik dengan jiran tidak mendorong diri seseorang terlibat dalam gejala pluralisme.



Soalan di bawah hanya dijawab oleh non Muslim


Soalan 17: Adakah prinsip pluralisme agama dibenarkan dalam ajaran agama tuan?

39% responden menjawab prinsip pluralisme agama dibenarkan dalam ajaran agama mereka. Manakala 61% responden lagi menjawab prinsip pluralisme agama tidak dibenarkan dalam ajaran agama mereka.



Soalan 18: Adakah tuan percaya bahawa semua agama baik dan memberi keselamatan hidup di dunia dan akhirat?

70% responden percaya bahawa semua agama baik dan memberi keselamatan hidup di dunia dan akhirat. Manakala 30% lagi responden tidak percaya bahawa semua agama baik dan memberi keselamatan hidup di dunia dan akhirat. Jawapan ini kebanyakannya dijawab oleh penganut animisme.



Pengertian konsep ‘pluralisme’ amat luas dan mempunyai pelbagai makna. Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli menjelaskan secara terperinci dalam makalahnya “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama.”²⁴ Pluralisme berbeza dengan plural kerana plural adalah kata sifat yang bermaksud majmuk iaitu masyarakat yang wujud dalam kemajmukan. Kemajmukan bukanlah pluralisme kerana

²⁴ Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli “Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama,” 111.

kemajmukan adalah suatu keadaan sahaja. Sedangkan pluralisme adalah pemikiran dan sikap yang wujud berdasarkan kewujudan keadaan kemajmukan tadi. Pluralis pula adalah orang yang berpegang kepada pemikiran dan sikap itu. Pandangan Islam pluralis ini dijamin dengan ayat al-Qur'an yang menyatakan bahawa kejadian manusia yang berbangsa-bangsa adalah supaya saling kenal-mengenal. Saidatul Nornis Hj. Mahali²⁵ menyatakan pluraliti mempunyai beberapa makna bersesuaian dengan wacana yang mengikutinya. Dalam wacana falsafah, konsep pluraliti mengacu pada pandangan bahawa dunia boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara atau untuk mengadakan penilaian ilmu yang ternyata diperkayakan oleh persaingan antara berbagai-bagai jenis pentafsiran. Dalam sosiologi kebudayaan dan etnologi, pluralisme merujuk kepada fragmentasi kebudayaan ke dalam sub-sub kebudayaan yang dipisahkan oleh etnik, bahasa, agama dan batasan-batasan lain. Dalam sosiologi fungsional pula, pluralisme merujuk pada perbezaan antara masyarakat yang dapat diteliti pada tahap individu yang mempunyai peranan berbeza. Maka, pluraliti menuntut pengakuan kita sebagai warga negara berdaulat terhadap fenomena masyarakat yang berbilang bangsa, etnik, agama dan tamadun. Kaedah menangani konflik berbilang bangsa, agama dan budaya inilah yang dikenali dengan konsep 'pluralisme', iaitu satu pendekatan yang mengajak berfikir positif terhadap orang lain.

Perbincangan dan hasil dapatan awal ini menunjukkan amalan pluralisme dan toleransi merupakan satu nilai sejagat yang diperlukan bagi membina keharmonian dalam kepelbagaian. Amalan toleransi adalah nilai akhlak dan etika sekiranya dibudayakan dalam interaksi seharian antara pihak berbeza agama berupaya melahirkan masyarakat yang bersikap positif, berlapang dada dan berkasih sayang. Meskipun begitu, Islam hanya membenarkan toleransi pada perkara yang tidak melanggar batas peraturan dan tuntutan ajaran Islam. Toleransi Islam berada dalam ruang lingkup memugarkan hakikat kebebasan individu agar kehidupannya lebih beradab dan bermoral. Hal ini lebih jelas

²⁵ Saidatul Nornis Hj. Mahali et al., *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah* (Kota Kinabalu: UMS, 2007).

sekiranya konsep toleransi dibincangkan dalam kerangka toleransi beragama dan toleransi etnik dan amalannya di Malaysia.²⁶

Tuntasnya amalan toleransi dan pluralisme yang dibudayakan dalam kalangan masyarakat Bidayuh ini memberi satu lagi pemaknaan yang menjelaskan keterbukaan mereka terhadap kewujudan beraneka etnik dan beragama anutan kepercayaan. Biar pun segelintir daripada masyarakat ini tidak pernah mendengar terma-terma pluralisme agama dan toleransi beragama, namun secara amalannya telah dibudayakan dan menjadi warisan sejarah yang dicorakkan daripada akar sejarah Sarawak. Atau dalam erti kata lain, masyarakat pelbagai etnik di Sarawak dan khususnya masyarakat Bidayuh memahami bagaimana mereka berupaya memupuk sikap meraikan kepelbagaian walaupun tanpa memahami terma-terma penting yang dibincangkan dalam hubungan antara umat beragama seperti pluralisme dan toleransi. Ini kerana formula tersebut dicerna daripada elemen pertemuan dan perkenalan yang dibentuk daripada tinggal bersama dan berkongsi aktiviti sama yang berlaku secara lahiriah dan semula jadi.

Penutup

Fenomena masyarakat majmuk di Sarawak adalah bersifat rencam dan kompleks, namun ia tidak dianggap positif atau negatif, sebaliknya neutral. Oleh itu, masyarakat Sarawak berupaya menerima kepelbagaian dan meraikannya dengan nilai toleran dan faham pluraliti yang amat tinggi.

Tuntasnya, keharmonian tidak dapat dicapai sepenuhnya tanpa sikap toleransi dan faham agama. Bagi melahirkan keharmonian yang berterusan memerlukan 'kejinaan hati' antara lapisan masyarakat. Perlu ada keserasian dalam kehidupan dengan menghindar 'buruk sangka' dan kesangsian. Dalam hubungan antara umat beragama memerlukan kejujuran, keikhlasan dan amanah. Mewujudkan suasana kasih sayang dan kemesraan amat dituntut oleh setiap agama khususnya Islam yang menekankan perkongsian Islam dan iman perlu diperluaskan dalam hubungan

²⁶ Lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang dan Azmil Zainal Abidin, 'Dialog antara Agama dalam Konteks Perbandingan Agama,' *Jurnal Tafhim* 6 (2013): 83-120.

Muslim – non Muslim walaupun tidak berasaskan kepada tema toleransi dan pluralisme.

Amat jelas bahawa istilah toleransi dan pluralisme telah mencetuskan fenomena menarik sehingga membuka ruang kepada pelaksanaan dialog kehidupan apabila dirujuk kepada pengalaman masyarakat Bidayuh dan beraneka etnik di Sarawak dalam usaha mewujudkan hubungan umat beragama yang penuh keharmonian. Pun begitu, kekeliruan terhadap pemahaman berkait konsep pluralisme agama khususnya terus berlaku kerana melihat interaksi dan jalinan dialog kehidupan tersebut sebagai mekanisme untuk memperlihatkan budaya toleransi dalam hubungan antara umat beragama. Justeru, terdapat pemahaman yang meletakkan pluralisme turut diertikan senada dengan toleransi agama walaupun ternyata jauh berbeza. Mohd Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli telah mengusulkan dan membahaskan pendekatan epistemologi dengan rencam sebagai satu usaha menangani kekeliruan dan kekaburan pemahaman pemikiran pluralisme agama dalam makalahnya yang dinyatakan di atas. Ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith serta pemikiran kritis digunakan sebagai perisai menangani isu ini dalam kerangka epistemologi Islam. Secara rumusan, tidak kita nafikan kewujudan hubungan antara umat beragama kerana Allah telah menciptakan beraneka etnik dan bangsa manusia. Namun, dalam keghairahan kita berinteraksi, berdialog, berkomunikasi dalam usaha mewujudkan keharmonian dalam hubungan antara umat beragama, sewajarnya kita tidak menggadaikan prinsip-prinsip ajaran yang mutlak dan *absolute*. Islam sendiri tidak menafikan pentingnya kesantunan dan kesalingan hubungan antara umat beragama dalam mewujudkan keamanan global. Kita juga wajar berhati-hati ketika menghormati perbezaan dan menerima persamaan yang wujud dalam konteks hubungan antara umat beragama. Ini juga menjelaskan bahawa model gagasan 1Malaysia sewajarnya diasaskan kepada prinsip ajaran Islam yang terbukti tekal sebagaimana diperlihatkan dalam sirah Rasulullah SAW dalam pembentukan masyarakat yang plural dan harmoni dan terlakar hebat dalam peta dunia kerana kecemerlangannya dalam pembentukan ketamadunan pembangunan insan dan negara yang gemilang dalam hubungan antara umat beragama.

Lampiran 1: Perangkaan Populasi di Sarawak Mengikut Etnik dan Tahun

Kumpulan Etnik	Banci 1990		Banci 2000	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Melayu	350,570	21.3	462,270	22.3
Iban	483,468	29.4	603,735	29.1
Bidayuh	135,595	8.3	167,756	8.4
Melanau	93,721	5.7	112,984	5.5
Orang hulu	100,088	6.1	117,690	5.7
Cina	447,525	27.2	537,230	25.9
Lain-lain	14,632	0.9	8,103	0.4
Bukan warga negara	17,172	1.0	62,738	3.0
Jumlah	1,642,771	100.0	2,071,506	100.0

Sumber: Jabatan Statistik Cawangan Sarawak, 2010

Bibliografi

- Mohd. Fauzi Hamat dan Wan Adli Wan Ramli. "Pendekatan Epistemologi dalam Menangani Pluralisme Agama." Dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
- Abd. Moqsih Ghazali. *Argumen Pluralisme Agama: Membangun Toleransi Berbasis al-Qur'an*. Jakarta: KataKita, Pesona Depok Estate, 2009.
- Anis Malik Thoha. "Pluralisme: Keracunan Istilah dan Pemahaman." *Diskusi ilmiah Kajian Agama*, Universiti Islam Antarabangsa, 2010.
- Diana L. Eck, *From Diversity to Pluralism*. N.pl.: no. pb., 2000.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. "Pluralisme Agama: Politik, Fanatik dan Realistik," laman sesawang *Minda Tajdid*, <http://drnaza.com/home/?p=1366>.
- Yusri Mohamad. "Ancaman Pluralisme Agama di Malaysia: Satu Tinjauan Awal." *Kertas kerja, Wacana Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah*, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUFAKAT),

JAKIM, JAIS dan ACCIN, Masjid Wilayah Persekutuan, 14 Disember 2010.

Mohamad Zaidi Abdul Rahman et.al. “Asas Toleransi Terhadap Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam.” Dalam *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.

Saidatul Nornis Hj. Mahali et al.. Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah. Kota Kinabalu: UMS, 2007.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Suraya Sintang dan Azmil Zainal Abidin. ‘Dialog antara Agama dalam Konteks Perbandingan Agama,’ *Jurnal Tafhim* 6 (2013): 83-120.

